

MANFAAT BERMAIN PERMAINAN VIDEO

Oleh: Muhammad Nazhan bin Sho Khaimin, 1171240,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Setiap orang mempunyai minat yang tersendiri. Bermula dengan minat, ia boleh berkembang menjadi satu bentuk hiburan dan mendatangkan keseronokan bila melakukannya.

Pada era globalisasi ini, ramai yang menjadikan bermain permainan video sebagai minat mereka. Masyarakat pula sering mendakwa bahawa bermain permainan video tidak mendatangkan masa hadapan yang cerah.

Namun tanggapan itu tidak tepat kerana bermain permainan video juga ada kelebihannya. Aktiviti tersebut boleh menjadi satu kerjaya.

Terdapat beberapa platform yang menyediakan ruang untuk pemain permainan video bergiat secara profesional khususnya bidang e-sukan.

Terdapat banyak kejohanan permainan video yang boleh disertai atlet e-sukan seperti Mobile Legend, Valorant dan DOTA.

Acara-acara e-sukan seperti ini kebiasaannya menyediakan habuan yang sangat lumayan. Seperti yang dinyatakan oleh Forbes, hadiah untuk pertandingan DOTA mencecah sehingga AS\$30 juta.

Satu lagi kerjaya yang boleh disertai adalah penstrim permainan yang mampu menjana pendapatan apabila ramai netizen yang menonton strim mereka.

Terdapat beberapa platform yang melibatkan penstriman seperti Facebook, YouTube dan Twitch. Antara penstrim yang berjaya memperolehi pendapatan lumayan ialah Benjamin Lupo atau lebih dikenali sebagai Dr. Lupo. Beliau sangat popular dengan saluran penstriman di Twitch.

Menurut Filtergrade, Dr. Lupo adalah antara 10 penstrim dengan pendapatan tertinggi. Beliau mempunyai hampir empat juta pengikut di Twitch.

Lebih kurang 5,000 hingga 10,000 penonton yang diperoleh setiap kali penstriman beliau berlangsung. Dianggarkan juga bahawa beliau memperoleh sekitar AS\$1.9 juta setiap tahun dari penstriman dan perkongsiannya.



Dr. Lupo sedang melakukan strim secara langsung di Twitch. Sumber: Internet

Selain aspek kerjaya, permainan video juga baik untuk kesihatan. Ia membantu dalam menajamkan penglihatan mata.

Menurut kajian saintis dari Universiti Rochester pada tahun 2009, permainan video genre aksi mampu meningkatkan daya penglihatan dalam tugas seharian seperti membaca dan memandu pada waktu malam.

Kebolehan ini dinamakan sebagai fungsi kepekaan kontras yang membolehkan pemain untuk membezakan perubahan kecil dalam pelbagai tona warna kelam meskipun berlatarbelakangkan warna cerah.

Fungsi kepekaan kontras ini juga semakin hilang apabila usia kita meningkat. Bermain permainan aksi menembak seperti Call of Duty, Battlefield atau Overwatch melatih otak manusia untuk membeza dan menganalisis banyak maklumat di depan mata kita dalam satu masa yang sama sekali gus meningkatkan daya penglihatan pemain.

Dari aspek kesihatan yang lain, bermain permainan video boleh mengurangkan tekanan. Ia sebenarnya boleh dijadikan sebagai satu penawar stres yang jauh lebih efektif berbanding sesi kaunseling.

Walau bagaimanapun, ketagihan video permainan boleh juga diklasifikasikan sebagai satu penyakit mental. Namun, ia perlulah dikawal dengan baik untuk mengelakkan perkara-perkara negatif berlaku seperti bijak membahagikan masa untuk bermain permainan video.

Menurut kajian penyelidikan dari Universiti Arkansas pada 2018, meluangkan masa bermain permainan video selama sejam memberi kesan yang baik kepada otak.



Seorang pelajar sedang bermain permainan untuk menguji aktiviti otak. Sumber: internet

Tidak dinafikan, bermain permainan video boleh mendatangkan keburukan. Memang lumrah kehidupan bahawa semua perkara ada kebaikan dan keburukannya.

Namun, jika betul caranya, permainan video boleh memberi manfaat kepada mereka yang bergiat dalam bidang ini.